

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kerajaan membazirkan duit dengan rancangan projek lapangan terbang baru di Kulim, Kedah. Bukankah wajar untuk Kerajaan Persekutuan menjimatkan perbelanjaan ini dan menggunakan dana untuk projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Kerajaan Negeri Kedah untuk membangunkan Projek Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan Kedah Aerotropolis adalah dengan dibiayai melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan tidak melibatkan sebarang peruntukan Kerajaan Pusat. Sehubungan itu, tidak timbul sebarang isu berhubung pembaziran atau penjimatan peruntukan Kerajaan.

2. Manakala cadangan projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pula akan dibiayai sendiri oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Walau bagaimanapun, disebabkan penularan wabak COVID-19 yang telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara, ianya juga telah menjejaskan kemampuan MAHB untuk membiayai projek tersebut buat sementara ini.

3. Syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa 3 tahun untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara. Dalam hal ini, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka panjang lapangan terbang/padang terbang di Malaysia berdasarkan keperluan industri semasa mengambil kira impak COVID-19 dan keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan bermula pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.